

BURUH ASING DALAM INDUSTRI PEMBINAAN MENURUT
PANDANGAN MASYARAKAT DI KAWASAN NUSAJAYA

NOOR AZYYATI BINTI CHE GHANI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrahim.....

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W, para sahabat, para anbia', para shuhada, para ulama', para solihin dan seluruh muslimin dan muslimat. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnianya maka saya dapat menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih, saya tujukan kepada penyelia Projek Sarjana Muda, Dr. Sarajul Fikri Bin Mohamed dan penasihat akademik Prof Madya Dr. Zakaria Bin Mohd Yusof di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan ini dilaksanakan.

Akhir kata, salam kasih dan sayang buat abah Che Ghani Bin Mat Yaacob dan umi W Noraini Binti W Leh serta keluarga tercinta di kampung serta rakan-rakan seperjuangan mahupun yang telah bekerja kerana banyak memberikan sokongan dan bantuan melalui pengalaman dan pembelajaran serta memberikan idea-idea bernas dan sokongan semasa pelaksanaan penyelidikan ini. Jasa anda semua hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Yang baik itu datangnya dari Allah, yang buruk itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri. Sekian.

ABSTRAK

Industri binaan secara amnya bergantung kepada penggunaan sumber tenaga manusia amat memerlukan kepada janaan sumber buruh mahir, separa mahir dan tidak mahir sama ada dalam dan luar negara. Peningkatan permintaan terhadap sumber tenaga buruh ini menyebabkan kebanjiran sumber tenaga buruh asing di negara kita dan seterusnya menimbulkan pelbagai kesan. Kajian ini dibuat bagi mengenalpasti kesan-kesan kebanjiran buruh asing di Nusajaya dan juga mengenalpasti langkah-langkah bagi mengatasinya. Borang soal selidik telah diedar kepada penduduk yang tinggal di taman perumahan di sekitar Nusajaya. Analisis dibuat dengan menggunakan kaedah min iaitu mendapatkan nilai purata skor bagi setiap kesan yang dikenalpasti. Perisian yang digunakan adalah Microsoft Excel untuk menganalisis data. Didapati kebanjiran buruh binaan asing memberikan kesan yang kritikal terhadap sosial, ekonomi dan keselamatan. Langkah-langkah bagi mengatasinya ialah pengawalan dari sudut undang-undang, dengan kerjasama CIDB, penguatkuasa dan badan bukan kerajaan (NGO).

ABSTRACT

Construction industry is generally depended on use of human resources that really need to generate of skilled labour resources, semi-skilled and unskilled whether in and outside the country. Increase of demand on this labour force source caused flood of foreign labour source in the country. This further raised various effects. The study was undertaken to identify effects of flooded foreign labour into Nusajaya and also to identify moves to overcome it. Questionnaires were distributed to residents living in housing estates around the Nusajaya. The analysis was done using the mean method using Microsoft Excel software. It was found that flood of foreign construction labour gave critical effects to social, economy and safety. The various steps from to curb it had been developed, such as from enforcement of law, with the cooperation of CIDB, enforcement authorities and non-governmental organizations (NGOs).